

30 kilang terpaksa berpindah

Masalah banjir kilat di Kawasan Perindustrian Kajang punca pengusaha alami kerugian besar

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

KAJANG: Kira-kira 30 kilang perniagaan di Kawasan Perindustrian Kajang, Jalan Reko, dekat sini terpaksa memindahkan operasi perniagaan mereka ke kawasan lain berikutan apa yang mereka dakwa kecuaihan pihak berkuasa tempatan (PBT) menangani masalah banjir kilat.

Difahamkan pada tahun ini saja kejadian banjir kilat sudah berlaku sebanyak empat kali menyebabkan pengusaha kilang mengalami kerugian mencecah ribuan ringgit ekoran banyak peralatan mereka rosak selain terpaksa menanggung kos operasi perniagaan masing-masing.

Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon, berkata kejadian banjir kilat itu berpunca daripada sampah sarap tersumbat di dalam longkang di kawasan perindustrian berkenaan yang menyebabkan

aliran air tidak dapat berjalan lancar ketika berlaku hujan lebat.

Beliau berkata, aliran longkang itu bermula dari perhentian bas Kajang dan melalui kawasan perindustrian terbabit sebelum ke Sungai Langat dan apabila terlalu banyak sampah sarap yang dibuang ke dalam longkang itu, ia sekali gus menyebabkannya tersumbat selain mengundang masalah banjir.

Katanya, beliau sudah dua kali menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) supaya masalah itu diatasi secepat mungkin bagi mengelakkan pengusaha di kawasan terbabit terus menanggung kerugian.

"Kadang-kadang air di dalam longkang ini lambat surut kerana dipenuhi terlampau banyak sampah-sarap.

"Kegagalan PBT menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan ini berkeungkinan menyebabkan lebih banyak lagi kilang yang didirikan di kawasan



TERSUMBAT: Yap (tengah) sedang berbincang dengan pengusaha kilang lain berikutan kejadian banjir kilat melanda kawasan Perindustrian Kajang, akibat sampah sarap.

sekitar terpaksa memindahkan perniagaan mereka ke kawasan lain," katanya ketika ditemui pada lawatan kerja baru-baru ini.

Sementara itu, pembekal kereta golf, Thomas Voral, 48, berkata sejak banjir kilat melanda kawasan itu beliau mengalami kerugian lebih RM100,000 kerana banyak mesin yang rosak selain terpaksa menanggung kos operasi kerana gagal membekal kereta golf seperti yang

dijanjikan kepada pelanggan.

Katanya, beliau sudah beberapa kali membuat laporan kepada MPKj tetapi belum ada tindakan yang dapat membantu mengurangkan masalah ini..

"Perniagaan saya semakin merosot disebabkan gagal memenuhi permintaan pelanggan malah setiap kali hujan, saya terpaksa memberhentikan operasi untuk sementara waktu bagi memindahkan barang-barang ke tempat

yang lebih tinggi," katanya.

Thomas berkata, kejadian terbaru banjir kilat baru-baru ini menyebabkan beliau gagal membekalkan kereta golf kepada pelanggan kerana terpaksa menutup perniagaan buat sementara bagi memperbaiki mesin yang rosak serta membersihkan kilang.

"Macam mana kami hendak maju sekiranya banjir kilat sering berlaku. Sewaktu saya membeli lot perniagaan



“Saya tidak mahu mereka (MPKj) datang dan hanya mencatat saja kejadian banjir di kawasan ini kerana sejak dari dulu lagi iaitu pada awal tahun mereka datang, tetapi sehingga kini masih tiada sebarang tindakan diambil”

Thomas Voral
Pembekal Kereta Golf

di sini dulu, kejadian banjir kilat tidak berlaku tetapi kini dari awal tahun hingga sekarang sudah empat kali banjir berlaku.

"Malah, syarikat di depan lot perniagaan saya sudah memindahkan operasi mereka ke tempat lain kerana tidak tahan dengan masalah banjir," katanya yang belum berhasrat untuk memindahkan operasi perniagaannya ke tempat lain.